

Nama Pelajar : _____

Tingkatan : _____

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2024

TASAWWUR ISLAM 2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk dan **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif.
3. Jawab semua **Bahagian A** dan pilih mana-mana empat soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** dalam kertas soalan ini.
5. Buku soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A
[20 markah]
Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.	Islam / Iman / Ihsan
2	Asas atau prinsip yang mendasari sesuatu.	Wajib / Rukun / Fardu Kifayah
3	Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT.	Khurafat / Syirik / Bidaah
4	Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan.	Pemerintahan / Pengurusan / Pentadbiran

Soalan 5 hingga soalan 8


Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Mencuri	Merompak	<i>Tahsiniyyat</i>	Murabahah	Ihsan	Tawakal
---------	----------	--------------------	-----------	-------	---------

5. _____ terhasil daripada gabungan sifat ikhlas serta perasaan takut dan tunduk kepada Allah SWT.
6. _____ ialah berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dan berdoa
7. Sistem ekonomi Islam memberi keutamaan kepada pengeluaran *daruriyyat* dan *hajiyyat* berbanding barangan _____
8. Nisab jenayah _____ yang boleh dijatuhkan hukuman potong pergelangan tangan ialah sebanyak $\frac{1}{4}$ dinar bersamaan 1.06 gram emas.

Soalan 9 hingga soalan 11

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan ciri-ciri akhlak menurut Islam.




9. P ialah

10. Q ialah

11. R ialah

Soalan 12 hingga soalan 13

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.



12 . S ialah

13 . T ialah

Soalan 14 hingga soalan 16

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan syarat pelantikan hakim.

Syarat Pelantikan Hakim	Fungsi
U	Hakim perlu memahami hukum-hakam Islam dan mempunyai keimanan yang kuat agar dapat mempraktikkan syariat Islam dalam perbicaraan.
V	Tugas hakim memerlukan pemikiran yang matang dan tajam supaya keputusan yang dibuat bertepatan dengan kebenaran.
Adil	Seseorang hakim perlu sentiasa mematuhi hukum-hakam syariat Islam, tidak melakukan dosa besar atau melazimi dosa kecil, mempunyai akhlak yang baik dan menjauhi maksiat.
W	Hakim mestilah memiliki pendengaran yang baik, penglihatan yang jelas dan percakapan yang fasih. Hal ini amat penting supaya hakim dapat melaksanakan tugasnya dengan sempurna dan lancar.

14. U ialah

15. V ialah

16. W ialah

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

17. Adab merupakan prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia. ☐
18. Islam tidak melarang kesenian, Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan agama dan akhlak. ☐
19. Piagam Madinah mempunyai 47 fasal, 23 fasal berkaitan dengan Muhajirin dan Ansar manakala 24 fasal lagi berkenaan hubungan antara umat Islam dengan Yahudi. ☐
20. Khalifah perlu menunaikan hak terhadap rakyat Islam sahaja di bawah kepimpinannya secara adil tanpa membezakan pangkat, ikatan kekeluargaan atau warna kulit. ☐

Bahagian B
(80 Markah)
Jawab empat soalan sahaja

“Sesungguhnya agama di sisi Allah SWT ialah Islam...”
(Maksud ayat 19, Surah Ali ‘Imran)

- 1 (a) Ayat di atas menyatakan bahawa agama Islam telah disempurnakan dan diredai Allah SWT. Berikan maksud Islam sebagai *al-Din*.

[2 markah]

- ✧ Mengucap dua kalimah syahadah
- ✧ Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam
- ✧ Mengeluarkan zakat
- ✧ Berpuasa sebulan di bulan Ramadan
- ✧ Mengerjakan haji bagi yang mampu

- (b) (i) Nyatakan fokus utama yang berkaitan dengan perkara di atas.

[1 markah]

- (ii) Bincangkan kepentingan fokus tersebut bagi seseorang muslim.

[5 markah]

- (c) (i) Senaraikan dua asas sistem ekonomi Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** cara Islam melarang umatnya melakukan kerosakan dan kezaliman dalam prinsip asas ekonomi Islam.

[4 markah]


Muamalah dalam sistem kewangan Islam bermaksud tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.

- (d) Terangkan **dua** kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu.

[4 markah]

- (e) Senaraikan **dua** jenis sistem ekonomi konvensional.

[2 markah]



- 2 (a) Setiap manusia akan menempuh lima peringkat alam seperti yang dinyatakan di atas. Huraikan **dua** alam tersebut.

[4 markah]

Walaupun manusia sebagai khalifah di muka bumi, gelaran hamba sentiasa mengingatkannya kepada Allah SWT Yang Maha Berkuasa.

- (b) (i) Berikan maksud hamba.


[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hubungan hamba dan khalifah.

[4 markah]

- (c) (i) Nyatakan pengertian perundangan Islam.

[2 markah]



Gambar 1

- (ii) Berdasarkan gambar 1 di atas, huraikan cara Islam mengatasi masalah tersebut.

[6 markah]

- (d) Nyatakan **dua** kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hudud.

[2 markah]

Berita peperangan di Palestin terus berlaku tanpa henti.

- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** hak asasi yang telah dilanggar oleh Israel dalam pernyataan di atas.

[2 markah]

- (ii) Bincangkan kesan pelanggaran tersebut.

[4 markah]

Berita Metro – “Kami tidak memandang ringan kepada RIMUP kerana program ini berjaya mengukuhkan lagi perpaduan dan ia permulaan baik untuk pelajar sekolah” kata seorang guru di Sarawak.

- (b) Keratan akhbar di atas menunjukkan program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan) dapat merealisasikan sistem sosial Islam.
Cadangkan **dua** program selain daripada di atas.

[4 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



- (c) (i) Pentadbiran merupakan sebahagian daripada pengurusan.
Senaraikan **dua** asas pentadbiran dan pengurusan pada zaman Rasulullah SAW.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** keistimewaan pentadbiran dan pengurusan Islam kepada sesebuah organisasi.

[4 markah]

- (iii) Berikan cadangan yang boleh dilakukan oleh sesebuah sekolah bagi mempraktikkan tadbir urus Islam.

[2 markah]

“Menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap muslim.”

Riwayat Ibnu Majah

- 4 (a) (i) Hadis di atas menerangkan tentang kewajipan menuntut ilmu.
Nyatakan kepentingan menuntut ilmu kepada diri seseorang muslim.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** kesan ibadah tanpa ilmu.

[4 markah]

- (b) Keruntuhan akhlak yang berlaku di kalangan remaja masa kini amat membimbangkan. Huraikan **dua** cara untuk mengatasi masalah ini.

[4 markah]

Penjual menyatakan kos yang terlibat dan keuntungan yang dikehendakinya. Manakala pembayaran boleh dilakukan semasa penyerahan barang atau pada masa yang dipersetujui bersama. Sebagai contoh Fatah menjual rumahnya dengan mengambil keuntungan sebanyak 20 peratus daripada harga asal rumah tersebut.

Situasi 1

- (c) (i) Berdasarkan situasi 1 di atas, nyatakan jenis muamalah tersebut.

[1 markah]

- (ii) Bincangkan keistimewaan muamalah tersebut.

[5 markah]

- (d) Senaraikan **empat** contoh institusi kewangan Islam di Malaysia.

[4 markah]

- 5 (a) Senaraikan **empat** ciri akal.

[4 markah]



Gambar 2

- (b) (i) Gambar 2 di atas menunjukkan perbuatan merosakkan akal. Berikan **dua** contoh selain di atas.

[2 markah]

- (ii) Mengapakah perbuatan di atas ditegah dalam Islam sedangkan perkara tersebut merupakan hak kebebasan individu?

[4 markah]

Kitab Bidayah al-Mujtahid karangan Ibn Rusyd:

Para ulama adalah sepakat mengatakan kadar diat bagi pembunuhan yang disengajakan adalah 100 ekor unta. Tetapi para ulama berbeza pandangan tentang jenis unta yang perlu dibayar itu. Imam Shafie berpendapat 100 ekor unta yang mahal harganya iaitu hendaklah terdiri daripada 30 ekor *hiqqah* (unta betina berumur tiga tahun), 30 ekor *jadza'ah* (unta betina berumur empat tahun) dan 40 ekor *khaalifah* yang bunting (unta betina yang berumur lebih lima tahun).

- (c) Diat mampu menjamin kehidupan keluarga mangsa.
Terangkan maksud diat.

[2 markah]

- (d) Huraikan **Tiga** cara yang diperlu dilakukan oleh kerajaan bagi mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam.

[6 markah]

- (e) Memilih rakan yang baik adalah satu cara untuk menjauhi diri dari perbuatan jenayah.
Huraikan.

[2 markah]

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)...”
(Maksud ayat 13, Surah Al-Hujurat)

- 6 (a) Ayat di atas menggalakkan manusia berkomunikasi antara seorang individu dengan individu lain.
Nyatakan **dua** asas pergaulan menurut Islam.

[2 markah]

Ibn Khaldun menyatakan bahawa “ Seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logik.”

- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **dua** kepentingan menghayati adab dan etika kesenian Islam oleh karyawan muslim.

[4 markah]

- (c) Terangkan **dua** konsep fesyen pakaian yang menepati syariat.

[4 markah]

“Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu.”
(Riwayat Muslim)

- (d) Berdasarkan hadis di atas, bagaimanakah cara untuk menjadi pemimpin yang disayangi rakyat?

[6 markah]

- (e) Nyatakan **dua** matlamat pembentukan negara Islam?

[4 markah]